

Rujukan Kami : 500-BPD(BSK.6/3)
Tarikh :

15 JAN 2020

Semua
Rektor / Dekan / Ketua Bahagian / PTJ
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Datuk / Datin / Prof / Tuan / Puan

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 07 TAHUN 2020 BERKAITAN KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.


2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Khas bertarikh 15 November 2019 bersetuju meluluskan untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 berkaitan Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 7 Tahun 2020 berkaitan kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

**JADIKAN UiTM YANG TERBAIK
UTAMAKAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME**

Yang benar



MUHAMAD NIZAM NOORDIN
Ketua Timbalan Pendaftar

...Lampiran



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 07 Tahun 2020

KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 berkaitan Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup.

LATARBELAKANG

2. Kerajaan telah memperuntukkan pemberian Bantuan Sara Hidup melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012. Pemberian Bantuan Sara Hidup adalah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam.

- i. Kerajaan telah menambahbaik kadar Bantuan Sara Hidup melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 bertarikh 13 November 2019.
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Khas bertarikh 15 November 2019 bersetuju meluluskan untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 berkaitan Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020.

PELAKSANAAN

3. UiTM telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 berkaitan Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup seperti berikut :

- a) Pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut
- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
 - ii. lantikan tetap, sementara, kontrak (Contract of Service) dan guru interim;
 - iii. diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;
 - iv. diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
 - v. diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian; atau
 - vi. diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.
- b) Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :
- i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
 - ii. memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
 - iii. pegawai *Contract for Service*;
 - iv. dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
 - v. berada di dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
 - vi. dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
 - vii. dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup;
 - viii. diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun; atau
 - ix. bercuti tanpa gaji.
- c) Kaedah Pelaksanaan dan Kadar
- i. Bantuan Sara Hidup dibayar mengikut tempat kerja (pejabat) pegawai atau institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara.
 - ii. Bagi pegawai yang diluluskan cuti/kursus jangka panjang dalam negara di Sabah, Sarawak atau Labuan, kadar Bantuan sara Hidup adalah mengikut Kawasan A.
 - iii. Kadar Bantuan Sara Hidup adalah seperti di Jadual 1 berikut :

Jadual 1 : Kadar Bantuan Sara Hidup

Kawasan	Kadar Sebulan (RM)	
	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana
Kawasan A	300	350
Kawasan B	250	300
Kawasan C	150	200

- iv. Kawasan A dan B adalah berdasarkan persempadanan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang ditetapkan seperti berikut :

Pihak Berkuasa Tempatan- Kawasan A

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Johor	Johor Bahru dan Iskandar Puteri

Pihak Berkuasa Tempatan- Kawasan B

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Johor	Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Pasir Gudang dan Segamat
Kedah	Alor Setar, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kemaman, Kuala Terengganu dan Dungun


- v. Kadar Bantuan Sara Hidup bagi pegawai yang diperuntuk Rumah Kerajaan adalah seperti berikut :
 - a. Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada kelayakan pegawai ; atau
 - b. Rumah Kerajaan melebihi 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar penuh.
- vi. Pembayaran Bantuan Sara Hidup hendaklah dibuat secara proportionate dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.
- vii. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012 dan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (rujukan JPA(S)63/57/2 Klt.8(97) bertarikh 8 Februari 2010 adalah dibatalkan.

TARIKH DIKELUARKAN

- 4. Pekeliling dikeluarkan pada 13 Januari 2020

TARIKH KUAT KUASA

- 5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2020.



HAJAH SA'ADAH IBRAHIM
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 07/2020)